

Buku Kerja Tadika 3

Unit 1: Hobi

1a. Pantun Hobi




Pak Abu ke kedai kopi,
Semasa balik dikejar angsa;
Kita perlu mempunyai hobi,
Supaya dapat mengisi masa.

Pergi kedai membeli tapai,
Untuk hidangan para tetamu;
Hobi dipilih perlulah sesuai,
Supaya tidak berasa jemu.



Tapai



Mak Siti menggoreng samosa;
Untuk dijual di depan kedai
Jika dibuat bersama-sama,
Masa terisi, kawan pun ramai.

Diambil dari https://www.scribd.com/doc/281794335/Pantun-Hobi

1b. Perbualan- Hobi Saya

Rakamkan video yang menceritakan tentang hobi kamu. Dalam video itu kamu harus memberitahu tentang perkara-perkara berikut.

1. Apakah hobi kamu?
2. Bila kamu luangkan masa untuk hobi kamu?
3. Apa yang kamu perlukan untuk hobi kamu?
4. Adakah hobi kamu dilakukan seorang diri atau dengan orang lain?
5. Mengapa kamu suka dengan kegiatan ini?

Lukis gambar kamu melakukan kegiatan kegemaran kamu di masa lapang.

Hobi saya ialah _____ .

1c. Bacaan

Kelas Renang

Tini: Hari ini ada kelas renang. Tak sabar nak berenang di kolam dengan kawan-kawan.

Ibu: Jangan lupa bawa gogel, tuala, sabun dan botol air sebelum pergi nanti.

Tini: Baik ibu. Semua sudah ada dalam beg renang Tini. Tini sudah sediakan malam tadi.

Ibu: Baguslah kalua begitu. Apakah gaya renang yang Tini sedang belajar sekarang?

Tini: Tini sedang belajar kuak dada. Sebelum ini kami belajar gaya bebas dan kuak lentang.

Ibu: Mana satu yang paling Tini suka?

Tini: Tini suka kuak dada kerana ia lebih santai, tapi kalau untuk berlumba, Tini suka gaya bebas.

1d. Kosa Kata



melukis



memasak



bertukang



berenang



menjahit



membaca



berkebun



bermain bolasepak

2. Kata Kerja

Kata kerja adalah perkataan yang menunjukkan perbuatan seperti *mencuci* dan *menghantar*. Isi tempat kosong dengan kata kerja yang sesuai dari senarai kosa kata di mukasurat 6 dan 7.

1. Arif suka _____ buku di rumah selepas pulang dari sekolah.
2. Ibu sedang _____ baju di bilik.
3. Abang berpeluh setelah _____ bolasepak di padang.
4. Atuk menghabiskan awal paginya _____ di belakang rumah. Dia sudah tanam pisang, ubi dan sayur-sayuran.
5. Bila _____ kita haruslah berhati-hati menggunakan gergaji dan tukul.
6. Ayah membantu emak _____ di dapur.
7. Bila _____ pastikan sentiasa ada orang dewasa bersama anda.
8. Selepas _____, kemas berus, kotak warna dan lap meja hingga bersih.

Unit 2: Dari Kecil hingga Dewasa

1a. Bacaan



Pernahkah awak dengar tentang Maryam Mirzakhani?

Pada tahun 2014,Maryam menjadi wanita pertama yang memenangi anugerah Fields Medal, anugerah tertinggi dalam bidang Matematik.



Semasa kecil, dia banyak menghabiskan masa dengan ayahnya, seorang jurutera, dan mendalami ilmu sains. Ayahnya kemudian menghantar Maryam ke Sekolah Farzanegan Tehran untuk anak-anak yang cemerlang.

Di sekolah, guru besar Maryam banyak membantunya. Dia dapat menggunakan makmal di universiti dan belajar sendiri di perpustakaan. Hanya beberapa orang sahaja yang dapat berbuat begitu.



Maryam pernah mewakili Iran dalam perlawanan Olimpiad Matematik sebanyak dua kali dan adalah pelajar perempuan pertama memasuki pasukan Olimpiad Matematik Iran.



Maryam meninggal dunia pada tahun 2017 dari kanser ketika berumur empat puluh tahun. Dia meninggalkan seorang anak perempuan bernama Anahita.

1b. Kefahaman

Letak tanda petik pada jawapan yang betul.

1. Maryam ialah seorang ahli _____ .

   Matematik ☐

   Sukan ☐

2. Ayah Maryam ialah seorang _____ .

   jurutera ☐

   juruterbang ☐

3. Maryam mewakili Iran dalam perlawanan _____ .

   Sukan Olimpik ☐

   Olimpiad Matematik ☐

4. Maryam memenangi anugerah _____ .

   Fields Medal ☐

   Newberry Medal ☐

5. Di sekolah Maryam dibenarkan menggunakan sendiri _____ .

   auditorium ☐

   perpustakaan ☐

1c. Kosa Kata







perpustakaan


makmal



anugerah

cemerlang





universiti

jurutera

1d. Cari Perkataan

Cari perkataan-perkataan yang diberikan.

Kosa Kata

S	N	I	A	S	N	U	I	T	K	L	A	I	A
N	H	I	P	R	N	S	K	N	T	S	U	R	N
E	N	A	E	T	A	K	H	I	M	S	N	I	J
T	G	A	R	H	M	N	N	S	S	K	I	O	U
M	N	H	P	E	E	J	N	R	G	R	V	I	R
U	A	M	U	P	G	U	E	T	A	J	E	A	U
A	L	A	S	N	A	U	L	V	G	P	R	S	T
L	R	T	T	G	O	R	N	R	M	A	S	O	E
I	E	E	A	O	C	M	J	A	N	U	I	L	R
R	M	M	K	T	I	L	A	I	S	R	T	M	A
V	E	A	A	G	J	P	R	I	U	A	I	E	N
M	C	T	A	O	L	I	M	P	I	A	D	K	P
O	L	I	N	A	E	K	K	M	A	K	M	A	L
E	J	K	P	U	E	M	M	I	N	A	R	I	M

JURUTERA
IRAN
UNIVERSITI
ANUGERAH
OLIMPIAD
MAKMAL
MATEMATIK
CEMERLANG
SAINS
PERPUSTAKAAN

Play this puzzle online at : https://thewordsearch.com/puzzle/1912960/

2a. Ulangkaji, Susunan

Susun perbuatan-perbuatan yang harus dilalui untuk mencuci baju menggunakan mesin basuh.

Aturan	Perbuatan
kedua	Pisahkan baju-baju mengikut kumpulan warna
	Letak baju ke dalam mesin basuh mengikut kumpulan
pertama	Letak baju kotor dalam bakul
	Keluarkan baju dari mesin basuh dan masukkan ke dalam pengering baju.
	Keluarkan baju dari pengering baju dan masukkan ke dalam bakul.
	Lipat baju dan masukkan ke dalam almari.

~~pertama~~	keempat
~~kedua~~	kelima
ketiga	keenam

2b. Ejaan

Tulis ejaan yang betul di atas perkataan-perkataan yang salah dieja yang bergaris.

Pokok-pokok penting untuk kehidupan. Ia memberikan cayiu untuk bagunan dan pulpa untuk membuat kertas. Pokok juga ruma untuk seranga, burong dan binatang-binatang lain.

Berbagai jenis buah-buahan dan kachang datang dari pokok seperti apel, oren dan gajus. Cecair dari pokok juga makanan untuk mamusia dan binatang.

Pokok membersihkan oodara dan menjaga sekitaran. Kita menyedut oksigen dan menghembuskan karbon dioksida. Pokok pula menyedut karbon dioksida dan mengeluarkan oksigen.

udara kayu bangunan manusia kacang

serangga rumah burung epal